



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Islam hargai adat, budaya sesuai

HARIAN METRO 28/9/2017 P.35

sesuatu kaum atau bangsa membolehkan Islam melebarkan sayapnya dan diterima secara baik khususnya di benua Afrika dan Eurasia.

Orang Islam belajar menggunakan pemberat dan ukuran baru. Mereka juga mengadaptasi dan memperkayakan bahasa tempatan.

Di samping menggunakan kalendar Islam, umat Islam menggunakan kalendar solar bagi menentukan musim dan masa terbaik untuk menanam dan menuai.

Mereka juga membuat gaya dan reka bentuk pakaian tersendiri seperti pakaian labuh seperti yang dipakai orang Islam hari ini.

Ia turut dikenali sebagai pakaian menyerupai pakaian Nabi SAW dan sahabatnya. Adaptasi itu memperlihatkan reka bentuk pakaian bukanlah sesuatu bersifat tegar tetapi boleh disesuaikan mengikut budaya dan adat

Adakah adat budaya atau 'urf mempunyai pemberat dalam hukum syarak? 'Urf adalah salah satu sumber penting untuk mengeluarkan hukum syarak.

Ulama yang mengiktirafkannya melihat ia sebagai salah satu sumber amat penting terutama dalam permasalahan yang mempunyai hubungan antara manusia dan beberapa aspek lain yang tidak dapat diselesaikan menggunakan sumber disepakati iaitu al-Quran, al-Sunah, ijmak dan qiyas.

Undang-undang Islam secara amnya mengambil sikap terbuka terhadap adat dan budaya. Apabila menilai norma budaya, ia satu kelonggaran dan bukanlah sesuatu yang keras.

Penerimaan budaya asal



SENI bina Cina pada Masjid Cina Negeri Melaka.

yang terdapat di tempat masing-masing.

Corak pakaian juga berbeza kerana memiliki cita rasa tersendiri. Azan adalah cara yang digunakan ketika zaman Nabi Muhammad SAW dan sahabat untuk mengajak umat Islam solat berjemaah di masjid.

Bagaimanapun,

masyarakat di Nusantara mengadaptasikan penggunaan pukulan beduk sebagai sebahagian budaya masyarakat Melayu untuk berkomunikasi dengan masyarakat sekitar bagi menandakan masuknya waktu solat dan mengajak umat Islam bersolat berjemaah di masjid.

Suara manusia saja tidak dapat sampai kepada keluasan masyarakat yang lebih besar.

Islam tidak melihat perkara penambahbaikan ini sebagai sesuatu yang terlarang malah ia berkeupayaan meningkatkan komunikasi dan mengajak lebih ramai jemaah ke masjid.

Penambahbaikan atau modifikasi itu tidak membabitkan ibadah khusus. Apabila pembesar suara elektrik sudah dicipta menerusi teknologi dan kemajuan sains, ia digunakan berbanding beduk yang hanya sebahagian daripada tinggalan sejarah kerana luangan azan menggunakan pembesar suara lebih kuat dan berkesan.

Ketika sahabat Nabi Muhammad SAW, Saad Abi Waqqas RA bersama rombongannya membawa Islam ke China 1,300 tahun lalu, beliau membina masjid pertama di China terletak di Guangzhou.

Reka bentuk masjid itu tidak dibina menggunakan seni bina Arab. Malah, masjid itu tidak dibina sebagaimana Masjid Nabawi di Madinah.

Menariknya, masjid yang dibina pada awal kedatangan Islam di China itu mengadaptasikan seni bina Cina.

Penerimaan sahabat Nabi SAW menggunakan seni bina Cina untuk membina masjid memberi mesej yang amat jelas iaitu budaya masyarakat setempat diterima dan diadakan bersama ciri-ciri Islam.

Sikap kita konsisten berhubung adat dan budaya. Sesuatu adat dan budaya dikira bermanaafat dan baik sehingga dibuktikan sebaliknya.

Selagi adat dan budaya itu tidak bertentangan dengan syariat Islam dan tidak mempunyai unsur mempertuhankan selain daripada Allah SWT, ia harus diterima.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)